

Terma & Syarat BSN SSP

Terma & Syarat untuk Keputusan dan Tuntutan Hadiah BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP)

Bil	Perkara	Maklumat
1	Keputusan Cabutan BSN SSP	<ol style="list-style-type: none"> Pemenang - pemenang bagi Cabutan BSN SSP akan dihubungi oleh pihak Bank melalui surat berdasarkan kepada alamat terakhir mengikut rekod pihak Bank. Keputusan juga boleh didapati menerusi laman sesawang rasmi BSN (www.bsn.com.my).
2	Pemakluman Kepada Pemenang	Notis pemakluman akan dihantar ke alamat terakhir pemenang dalam rekod Bank dalam tempoh 14 hari dari tarikh Keputusan Cabutan disiarkan.
3	Serahan Dokumen Oleh Pemenang	<ol style="list-style-type: none"> Pemenang Hadiah Utama perlu mengemukakan maklumat dan dokumen berikut kepada pihak Bank untuk tujuan tuntutan hadiah: <ul style="list-style-type: none"> » Salinan kad pengenalan (KP) » Salinan sijil atau resit rasmi simpanan BSN SSP yang berkenaan (jika ada) » Sekeping gambar berukuran pasport » Alamat » Nombor telefon Pemenang hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen tersebut melalui pos ke alamat Ibu Pejabat BSN atau faksimile ke nombor faksimile yang dinyatakan dalam item 7 di bawah. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan mana-mana dokumen yang dihantar oleh pemenang.
4	Penghantaran Hadiah BSN SSP	<ol style="list-style-type: none"> Pihak Bank akan melantik syarikat pembekal bagi urusan pembekalan dan penghantaran hadiah (kecuali hadiah berbentuk BSN SSP) kepada pemenang. Kaedah dan cara penghantaran hadiah akan ditentukan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara pihak Bank. Pemenang bersetuju dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk berkongsi maklumat mereka sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak Bank kepada syarikat pembekal untuk tujuan penghantaran hadiah. Syarikat pembekal akan menghubungi pemenang secara terus untuk mengatur urusan penghantaran hadiah. Hadiah perlu ditutut oleh pemenang sendiri. Tuntutan oleh pihak ketiga tidak akan dilayan (Tertakluk kepada syarat kategori cabutan). Manakala hadiah berbentuk BSN SSP, pemenang adalah dinasihatkan untuk menyemak hadiah mereka di mana-mana Cawangan Bank dengan mengemukakan surat pemakluman dan dokumen pengenalan diri.
5	Terma dan Syarat Hadiah	<ol style="list-style-type: none"> Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau apa-apa yang lain sama ada sebahagian atau keseluruhan. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian hadiah serta tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang hadiah yang hilang, dicuri atau cacat disebabkan kecacatan bahan atau buatan oleh syarikat pengeluaran di bawah jaminan atau sebaliknya. Pemenang hendaklah berurus secara terus dengan pembekal bagi semua maklumat jaminan atau tuntutan tanpa membabitkan BSN. Manakala bagi hadiah yang berbentuk kenderaan, pendaftaran pemilik perlu dibuat atas nama pemenang. Pihak Bank akan menanggung kos pendaftaran kenderaan tersebut. Sekiranya terdapat sebarang perubahan dari segi kos yang ditanggung, ianya akan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya. Setelah kenderaan didaftarkan atas nama pemenang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan sekalipun terhadap kerosakan atau kecacatan kenderaan tersebut.

6	Tempoh Tuntutan Hadiah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hadiah Cabutan BSN SSP perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Cabutan BSN SSP. Pihak Bank tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut. 2. Sekiranya pemenang telah meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah Cabutan BSN SSP sama ada berupa BSN SSP atau kenderaan atau barang dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh cabutan atau tarikh kematian pemenang (yang mana terdahulu). 3. Pemenang atau warisnya adalah dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.
7	Alamat & Nombor Telefon Bank Bagi Urusan Surat Menyurat / Pertanyaan Tuntutan Hadiah BSN SSP	<p>Seksyen Strategi & Sokongan, Bahagian Strategi dan Pengurusan Saluran, Jabatan Deposit & Pembayaran, Tingkat 8, Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. Telefon: 03-20283222 Samb. 12620 / 14553 Faksimile : 03-20286675</p>

Terma & Syarat BSN SSP

Bil	Perkara	Maklumat
1	Terma dan Syarat Am	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelanggan yang membuat simpanan dan/atau mengambil bahagian dalam mana-mana kempen berkaitan BSN SSP adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan disini. Pelanggan juga bersetuju untuk membenarkan butir-butir peribadi termasuk maklumat lain yang berkaitan untuk dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN untuk tujuan BSN SSP. 2. BSN berhak untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan disini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian dengan memberikan sekurang-kurangnya 21 hari notis terlebih dahulu sebelum pindaan, pembatalan atau penambahan dikuatkuasa. 3. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi sebarang peruntuhan atau representasi yang terkandung dalam bahan-bahan promosi pengiklanan berkaitan BSN SSP ini. 4. Sebarang perubahan, penambahan, pembatalan atau pindaan ke atas Terma dan Syarat ini dianggap sah dan mengikat pelanggan dan dianggap telah sampai kepada pengetahuan pelanggan apabila notis atau komunikasi disiarkan di laman sesawang rasmi BSN, di Cawangan Bank atau dihantar kepada pelanggan atau diiklankan di media elektronik, digital, sosial atau disampaikan mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. 5. BSN berhak untuk menukar atau menggantikan mana-mana hadiah dengan mana-mana barang dengan nilai yang sama atau dari model yang sama atau berlainan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis 21 hari sebelum penukaran atau pengantian dilaksanakan. 6. BSN tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan atau kerugian yang ditanggung (termasuk dan tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik secara langsung atau tidak langsung secara insiden, berkepentingan, berteladan, punitif atau kerosakan khas kepada mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau bagaimanapun ia berlaku samada dari segi kontrak, salah laku, kecuaian atau apa-apa sahaja tindakan yang timbul akibat daripada atau berkaitan dengan cabutan atau Hadiah BSN SSP. 7. Keputusan BSN terhadap sebarang perkara berkaitan BSN SSP adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau cubaan untuk mempertikaikan apa-apa keputusan tidak akan dilayan. 8. Melainkan Terma dan Syarat tertentu yang dinyatakan di dalam ini, semua terma dan syarat lain yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah dan peraturan sedia ada yang mengawal BSN SSP hendaklah terus terpakai.

2	Simpanan BSN SSP tanpa Sijil	<p>1. Pihak Bank telah memperkenalkan BSN SSP tanpa sijil di mana pihak Bank hanya akan mengeluarkan resit rasmi simpanan BSN SSP sebagai ganti sijil ketika urusan simpanan BSN SSP. Resit ini dianggap sebagai dokumen yang sah sebagai bukti simpanan BSN SSP. Resit ini tidak berharga kepada sesiapa yang menjumpainya kecuali kepada pemilik atau penyimpan BSN SSP. Jika resit tersebut hilang, penyimpan hanya perlu membawa dokumen pengenalan diri yang sah seperti kad pengenalan atau pasport ke mana-mana kaunter Cawangan BSN.</p> <p>2. Pihak Bank berhak mengenakan caj ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank pada suatu kadar yang berpatutan dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada garis panduan Bank Negara Malaysia dengan memberikan notis kepada pelanggan dalam tempoh 21 hari sebelum caj tersebut dilaksanakan.</p>
3	Terma & Syarat BSN SSP	<p>1. Transaksi ini dikendalikan mengikut kontrak Mudarabah serta tertakluk kepada Kaedah-Kaedah BSN SSP di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974.</p> <p>2. Pelanggan hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan diri semasa membuat penebusan BSN SSP di kaunter atau apabila diminta oleh pihak Bank.</p> <p>3. BSN SSP yang tidak ditebus adalah layak menyertai Cabutan BSN SSP.</p> <p>4. Penebusan BSN SSP boleh dibuat di mana-mana Cawangan Bank.</p> <p>5. BSN SSP boleh ditebus sepenuhnya atau sebahagian daripadanya selepas empat puluh lima (45) hari dari tarikh simpanan.</p> <p>6. Kelayakan tempoh simpanan minimum BSN SSP bagi Cabutan Istimewa RM1 Juta adalah sembilan puluh (90) hari.</p> <p>7. Sebarang pertukaran maklumat pelanggan hendaklah dimaklumkan secara bertulis di mana-mana Cawangan Bank bagi tujuan pengemaskinian rekod pelanggan.</p> <p>8. Jika pelanggan meninggal dunia, tuntutan hadiah boleh dibuat oleh waris yang sah di mana-mana Cawangan Bank mengikut prosedur semasa Bank.</p> <p>9. Segala surat-menyerat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod pihak Bank adalah dianggap telah diserahkan kepada pelanggan.</p> <p>10. Sekiranya tandatangan pelanggan digunakan sebagai pengesahan, tandatangan yang sama hendaklah digunakan seperti yang terdapat di dalam rekod pihak Bank ketika membuat urusan bagi mengelakkan sebarang kesulitan.</p> <p>11. Jika terdapat sebarang kesilapan pada maklumat BSN SSP yang dipaparkan, pelanggan hendaklah melaporkan dengan segera kepada mana-mana Cawangan Bank untuk tindakan pembetulan.</p> <p>12. Kerahsiaan mengenai maklumat pelanggan dan BSN SSP adalah dipelihara sepenuhnya.</p> <p>13. Sebarang keuntungan (jika ada) akan dibahagikan kepada pelanggan Bank berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan yang dipersetujui pada setiap tempoh genap tahun Kewangan.</p> <p>14. Kaedah pengiraan keuntungan (dividen) BSN SSP adalah berdasarkan baki minima bulanan dan tempoh peletakan deposit (Bilangan Hari) seperti berikut:</p> <p style="text-align: center;">Baki Minima Bulanan X Kadar Keuntungan Indikatif* X Bilangan Hari / 365 (Bukan Tahun Lompat) @ 366 (Tahun Lompat)</p> <p>*Nota: Rujuk kadar keuntungan indikatif semasa di laman sesawang BSN www.BSN.com.my</p> <p>15. Keuntungan (dividen) yang bernilai kurang daripada RM1 atau apa-apa jumlah lain akan disalurkan ke Akaun Kebajikan yang diluluskan oleh pihak Bank.</p>
4.	Terma & Syarat Kempen BSN SSP Edisi Khas	<p>1. Maklumat lanjut berkenaan terma dan syarat Kempen BSN SSP Edisi Khas boleh rujuk melalui link di bawah:</p> <p style="text-align: center;"><u>Terma & Syarat Kempen BSN SSP Edisi Khas</u></p>